

05 JUN 2000

Dr Ling-Keputusan

DR LING LIONG SIK BELUM BUAT KEPUTUSAN

SEPANG, 5 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang baru kembali ke tanah air malam ini selepas bercuti di luar negeri, berkata beliau masih memerlukan beberapa hari lagi sebelum membuat keputusan muktamad mengenai peletakan jawatannya daripada Kabinet.

"Berikan saya beberapa hari lagi," kata beliau kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dari Australia malam ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, bercuti selama dua minggu sejak 26 Mei lepas atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, para pemimpin dan anggota MCA serta rakan Kabinetnya.

Beliau mengejutkan mesyuarat majlis Presiden MCA apabila memberitahu mereka mengenai keputusannya untuk meletakkan jawatan daripada Kabinet tetapi akan terus berkhidmat sebagai Presiden parti pada 22 Mei lepas.

Sejak itu, beliau menerima banyak rayuan daripada pemimpin serta anggota akar umbi parti itu, malah Dr Mahathir serta para pemimpin Barisan Nasional turut meminta Dr Ling menimbangkan semula keputusannya.

Ketika ditanya mengenai keadaan beliau selepas bercuti, Dr Ling sambil tersenyum hanya menunjukkan ibu jarinya sebagai tanda baik.

Beratus-ratus penyokong MCA bersama pemimpin mereka berkumpul di Balai Ketibaan KLIA sejak pukul 8 malam walaupun pesawat MAS dari Perth yang membawa Dr Ling hanya tiba di KLIA pada pukul 10.10 malam ini.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn yang juga Naib Presiden MCA, berkata para pemimpin parti itu akan menemui Dr Ling dalam masa beberapa hari lagi untuk mengetahui keputusan terakhirnya.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan tarikh lawatan itu.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting yang ditemui selepas menyambut kepulangan Dr Ling berkata, presiden MCA itu tidak memberitahu keputusannya ketika beliau menemuinya sebentar tadi.

Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata beliau pasti bahawa Dr Ling dapat menyelami perasaan ratusan mereka yang menyambutnya di lapangan terbang yang mahukan beliau mengekalkan jawatannya di dalam kabinet.

"Kami semua yang berada di sini (lapangan terbang) dapat merasai sokongan yang kuat dan padu untuk Dr Ling (kekal di dalam kabinet). Harapan kita adalah untuk beliau kekal di dalam kabinet dan juga kekal memimpin kita," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng yang juga Menteri Kesihatan berkata Dr Ling kelihatan gembira selepas pulang daripada percutiannya di Australia.

Seorang lagi naib presiden Datuk Chan Kong Choy dan Setiausaha Agung parti, Datuk Dr Ting Chew Peh turut berada di KLIA untuk menyambut kepulangan Dr Ling.

-- BERNAMA

MHI HS LAT